

## 'Nak sensasi pun berpada'

**Archival News | Harian Metro | 15/08/2018 | Author: Oleh Naqib Nor Said | A-All**

Kuala Lumpur: Kejayaan pemain hoki wanita, Kirandeep Kaur disenaraikan dalam skuad Sukan Asia Jakarta Palembang tidak harus diperbesar kerana ia boleh memberi kesan buruk kepada pemain berusia 15 tahun itu.

Permintaan itu diluahkan oleh pengendali negara, Dharma Raj Abdullah yang berpendapat pemain itu masih terlalu muda dan banyak kekurangan serta perlu masa untuk menjadi sempurna.

"Masih terlalu awal untuk memuji dan meletakkan harapan tinggi kepada Kirandeep kerana dia baru berusia 15 tahun.

"Sekiranya dari awal tidak berjaga-jaga dengan perhatian dan pujian yang melambung tinggi diberikan kepadanya, saya bimbang dia akan lupa diri dan ia mampu merosakkan masa depannya.

"Saya lihat media terlalu mengangkat tinggi Kirandeep, dari satu sudut memang ia bagus tapi harus diingat dia masih muda dan perlu diberi ruang untuk terus meningkatkan beberapa aspek permainannya," katanya.

Pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya itu mencipta sensasi apabila muncul antara pemain termuda dalam sejarah hoki Malaysia dipilih beraksi di Sukan Asia.

Bagaimanapun, harus diingat kehadiran pemain muda dalam skuad wanita bukan sesuatu yang baru kerana ramai pemain yang ada ketika ini rata-ratanya mewakili negara sejak berusia 16 dan 17 tahun.

Sebagai contoh, Norazlin Sumantri, Hanis Nadiyah Onn, Nuramirah Syakirah Zulkifli dan Surizan Awang Noh yang beraksi di posisi serangan serta Nuraini Abdul Rashid dan Siti Noor Amarina Ruhani (pertahanan) semuanya diserap ketika berusia belasan tahun.

Begitupun, Dharma tidak menafikan potensi besar yang ditunjukkan Kirandeep, apatah lagi dengan kemampuan baik yang dipamerkannya sepanjang Jelajah Australia, baru-baru ini.

( END )

Source By: Harian Metro